

Jauhi pantai: Polis

Avila Geraldine Samuel

KOTA KINABALU: Polis menasihatkan orang ramai supaya menjauhkan diri daripada laut berikutan nasihat berjaga-jaga yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia ekoran gempa bumi yang berlaku di Pantai Timur Honshu, Jepun pada Jumaat.

Ketua Polis Bandaraya ACP Ahmad Sofi Zakaria berkata, polis akan memantau keadaan itu dan juga menggesa nelayan supaya tidak turun ke laut.

"Kami telah menerima surat berjaga-jaga daripada Jabatan Meteorologi dan kita telah hubungi Persatuan Nelayan-Nelayan untuk memaklumkan mereka mengenainya," katanya, Jumaat.

Gempa bumi kuat berukuran 8.8 magnitud menggegarkan Pantai Timur Honshu di Jepun, kira-kira 4,343 kilometer dari Pantai Timur Kudat.

Jabatan itu berkata, keadaan laut bergelora dijangka berlaku dan paras air akan naik di Labuan dan Sabah bermula 6 petang (Jumaat) dan menasihatkan orang ramai supaya tidak pergi ke pantai.



TIDAK KISAH... meskipun amaran tsunami telah dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Sabah, beberapa penduduk di sini bersama keluarga mereka terus menghabiskan masa berkualiti dan berseronok di Pantai Tanjung Aru di Kota Kinabalu pada pukul 6 petang, Jumaat seperti yang ditunjukkan oleh gambar ini.

Walaupun sudah mengetahui mengenai amaran itu, mereka beranggapan bahawa ombak tsunami tidak akan melanda Sabah sementara ada yang tidak sedar langsung mengenai amaran itu. Kebanyakan penduduk yang bekerja di bandaraya telah diarahkan untuk pulang dan ada yang menterjemah arahan itu sebagai tsunami juga akan melanda Sabah. - Lo Teck Loong